

# 100 nelayan terjejas muara sungai cetek

UM 22/04/24 m/s 35

**MARANG:** Kira-kira 100 nelayan terjejas pendapatan kerana tidak dapat turun ke laut mencari rezeki berikutan muara Sungai Merchang, di sini yang semakin cetek.

Seorang nelayan, Mohd. Arifin Jusoh, 56, berkata, masalah itu semakin ketara sejak dua minggu lalu apabila mereka terpaksa menggunakan wang simpanan untuk meneruskan kehidupan.

Katanya, masalah muara cetek itu berlanjutan sejak berpuluh tahun lalu dan telah mendapat perhatian kerajaan.

"Ada satu projek pemuliharaan Sungai Merchang termasuk mendalamkan muara kini sedang berjalan dan sepatutnya siap pada Disember tahun lalu.

"Namun, projek itu belum siap mengikut jadual kerana pelbagai faktor dan kami yang hanya bergantung rezeki dengan menangkap ikan di laut sangat berharap ia dapat disiapkan segera," katanya ketika ditemui *Utusan Ma-*


*laysia* di sini, semalam.

Lebih menyedihkan nelayan terlibat tidak dapat turun ke laut sejak tengkujuh melanda Pantai Timur pada November tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, terdapat sebahagian nelayan memperjudi nasib turun ke laut dengan menunggu air pasang penuh namun berdepan kesukaran kerana terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama sebelum boleh masuk atau keluar dari muara.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Ali Abu Bakar, 53, pula berkata, muara tersebut bukan sahaja digunakan oleh nelayan di Kampung Merchang, sebaliknya menjadi tumpuan nelayan dari kampung sekitar termasuk Tok Fakir dan Gong Balai.

"Ramai nelayan yang mengalami kerosakan bot kerana tersangkut di beting pasir ketika cuba masuk ke muara dan ini menambahkan lagi kerugian mereka," ujarnya.



**NELAYAN** terpaksa menolak bot mereka yang tersangkut di beting pasir akibat muara cetek Sungai Merchang, Marang, Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI